

Thailand, Kemboja setuju berdamai

Oleh KAMARIAH KHALIDI
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Thailand dan Kemboja mencapai kata sepakat untuk berdamai dengan melaksanakan gencatan senjata serta-merta tanpa syarat susulan konflik sempadan yang berlaku di antara kedua-dua negara.

Putrajaya menjadi saksi kepada detik bersejarah itu dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan kemampuannya menerusi sidang akhbar bersama Perdana Menteri Kemboja, Hun Manet

Inisiatif Malaysia bantu capai gencatan senjata antara kedua-dua negara

dan Pemangku Perdana Menteri Thailand, Phumtham Wechayachai selepas sesi mesyuarat khas yang berlangsung di Kompleks Seri Perdana, di sini semalam

"Perdana Menteri Hun Manet dan Pemangku Perdana Menteri Phumtham Wechayachai menyatakan perdirian dan kesediaan mereka untuk melaksanakan gencatan senjata serta-merta dan kembali kepada keadaan normal sedia kala

(normalcy).
Terdahulu, dalam sidang mesyuarat khas ASEAN ini bermula dengan ucapan khas antara lain itu bermula dengan ucapan khas kira-kira

**UTUSAN
Malaysia
29 Julai
2025.**

German puji Anwar selesaikan konflik Thailand, Kemboja

M/S: 4

UTUSAN MALAYSIA 30 JUL 2025

Oleh **HASIF IDRIS**

utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Canselor Jerman, Friedrich Merz memuji peranan aktif Malaysia sebagai pemudah cara dalam usaha penyelesaian konflik antara Thailand dan Kemboja.

Perkara itu dikongsikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa menerima panggilan telefon daripada Merz, petang semalam.

Anwar berkata, ia merupakan satu pengiktirafan terhadap keupayaan diplomasi serantau dan komitmen Malaysia dalam mendukung keamanan dan kestabilan ASEAN.

"Sebagai Pengerusi ASEAN, Malaysia kekal komited memperkuh perpaduan dan kestabilan serantau melalui pendekatan diplomasi, dialog dan prinsip kemanusiaan.

"Kami turut bertukar pandangan mengenai hubungan dua hala Malaysia dan Jerman yang kian kukuh serta menyatakan komitmen bersama untuk memperluas kerjasama strategik dalam pelbagai bidang.

"Kerjasama erat dengan rakan antarabangsa seperti Jerman amat penting dalam memperkuh peranan ASEAN sebagai blok serantau yang berwibawa, progresif dan berprin-

sip," katanya menerusi hantaran dalam Facebook, semalam.

Amerika Syarikat (AS) turut menyambut baik pengumuman gencatan senjata antara Thailand dan Kemboja.

Jabatan Negara AS menerusi kenyataan rasmi memaklumkan Presiden Donald Trump dan Setiausaha Negara, Marco Rubio komited terhadap penghentian segera segala bentuk keganasan di negara terlibat.

Jelasnya, AS menggesa kedua-dua kerajaan menunaikan komitmen yang telah dipersetujui bagi menamatkan konflik yang berlarutan.

"Kami berterima kasih kepada Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim atas kepemimpinan beliau serta memainkan peranan penting sebagai tuan rumah rundingan gencatan senjata ini.

"Kami menggesa semua pihak agar terus melaksanakan segala perjanjian yang dicapai. AS akan kekal komited dan terus terlibat secara aktif dalam proses damai anjuran bersama Washington dan Kuala Lumpur itu," katanya

Kelmarin, Thailand dan Kemboja mencapai kata sepakat untuk berdamai dengan melaksanakan gencatan senjata serta-merta tanpa syarat susulan konflik sempadan yang berlaku di antara kedua-dua negara.